

22 JAN 1996

ANGGOTA UMNO HARUS ANGGAP ISU RAHIM SELESAI

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Anggota Umno harus menganggap isu penyerahan jawatan Ketua Pemuda Umno kepada Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik sebagai selesai selepas pengumuman beliau menerima jawatan itu semula hari ini.

Setiausaha Agung parti Datuk Mohamed Rahmat menasihatkan para anggota parti supaya tidak lagi menimbulkan spekulasi mengenainya.

"Keputusan Majlis Tertinggi yang menyerahkan semula jawatan itu kepada Rahim adalah muktamad dan tiada seorangpun yang harus mempertikaikannya atau menimbulkan apa-apa masalah," katanya sebagai mengulas keputusan Rahim menerima semula jawatan itu selepas merasmikan bazar Ramadhan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Katanya yang penting sekarang ialah anggota memperkukuhkan parti.

Mohamad juga menasihati Rahim supaya mengemukakan surat MT mengenai keputusannya menerima semula jawatan itu.

"Adalah lebih baik Tan Sri Rahim memaklumkan keputusannya untuk menerima semula jawatan itu kepada Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan MT yang akan bermesyuarat pada 3 Feb ini." -- BERNAMA